

Aku Duduk Menulis

Aku duduk menulis.

Bukan kerana kesedihan
seribu malam yang tiada hujungnya,
Bukan kerana pencarian erti
yang telah lama pudar ditelan realiti,
Bukan kerana impian,
dendam atau paksaan.

Bukan juga kerana sepi
yang tidak lagi aku kenali,
Atau kerana suci
yang sesungguhnya tidak wujud lagi

Aku duduk menulis.

Sebagai catatan, bukti
wujudnya sesuatu bernama aku

Tersebutlah kisah

Dengan segala regalia
dan kehormatan mahkota
dibawa sembah
sesuatu yang luarbiasa

Sebuah dulang diiringi
emas dan permata
dicuci terus 7 tempayan airmata
untuk menyiapkan rupanya

Sebuah dulang dihiasi bunga-bunga taman Baginda,
yang cuba menyamar isi sebenar
dulang retak di setiap penghujungnya
disapu rapi abu Gunung Toba

Sebuah hadiah yang kian lama,
kurang nilainya.
kian lama kian mudarat parahnya
kian lama kian tenat semangatnya.

dibawa semuanya pergi
jauh dari semua saksi
dengan hasrat besar
meminang bidadari

Menuju ke pusara

Aku menuju ke pusara
mencari hati dan semangat wira
ingin aku berkata-kata
mencerita nasib, menglipur asmara
tiada bermakna semua jeritan
tiada balas dapatku harapkan
hanya sayu tanah kuburan
mendampingi aku sewaktu bertahan

Aku merata mencari kekuatan
untuk mengharungi cabaran
namun tiada petunjuk disisi
hanya kegelapan malam yang sunyi.

Bangkitnya Keadilan

Semalam seperti sekarang
dan sekarang seperti esok
dan esok bagaikan semalam.
lapan bagaikan satu
dan satu bagaikan lapan
semuanya seumpama kekosongan.

malam ini dosa-dosa lama
yang fikirnya ditelan masa
bersemuka, menuntut hak
menemui keadilan.
menuntut hutang yang sudah lama dilupakan

malam ini telahku dikejutkan
penghukum, hakim dan mangsa
menuntut dilunaskan semuanya
menarik aku dari khayalan dunia.

Malam ini aku tidak lagi lari.
Aku tidak lagi mencari alasan.
Malam ini aku lunaskan semua dosa
Aku bayar semuanya!

Semoga dapat diteruskan kehidupan
biarlah sebagai papa
biarlah tanpa sesiapa

Bangkitnya Keadilan

hanya dengan ketenangan sebagai pampasan

tidak lagi aku diburu

masa dan hulubalangny

Mangsa kebisuan

Eloklah kita lupakan sebentar
perdebatan definisi Melayu
eloklah kita ketepikan
tanda-tanda melayakkan keMelayuan

Eloklah kita lupakan buat sementara
isu hak dan harta
pribumi dan pendatang
kuasa dan takhta

Eloklah kita lupakan hal
pencapaian dan kebobrokan
hal menolong dan pertolongan
hal kewajiban dan tanggapan

Eloklah kita lupakan hal
siapa terkilan dan siapa dipisahkan
rumah mana yang lebih perhatian
bahasa mana yang perlu tumpuan

Eloklah kita abaikan
desakan desakan peningkatan
membawa daya kerja ke pangkalan kelestarian
memberi negara lebih pengiktirafan

eloklah kita berhenti sebentar
untuk berkabung dan keinsafan.
Atas kehilangan erti yang sudah dilupakan.

Mangsa kebisuan

masyarakat,

saudara

dan kebebasan

Masa sudah suntuk

ia mengilai bernada tajam,
melukai teliga sesiapa yang mendengar
terus ia berbunyi tanpa rehat menarik nafas
seperti jentera terus bergerak, ia terus mengilai

mereka disekitar kecut mencari helah
untuk bersembunyi.
pasti ia murka melihat keadaan dunia
pasti ia inginkan mangsa untuk menjelaskan nafsunya,

namun kemana sahaja mereka berkeliaran
suaranya tetap kedengaran
sehinggakan azan meluangkan masa untuknya
bersyarah, tentang erti takut dan sengsara

ia terus mengilai
menunggu masa
terus mencari,
menghabiskan pendusta
menamatkan jiwa si alpa

belum lagi ia mencari mangsa
belum lagi ia inginkan darah
belum lagi ia menikam pengkhianat
belum ia membuka hajat

masanya sudah dekat

Isi dan titisan

Setitik demi setitik air simpanan
menitis ke bumi, membasahi
tanah yang kosong dan sunyi,
tiada niat untuk menyuburi
ataupun sangka untuk menyemadi,
hanya titisan ini tiada henti,
bak air mata seorang ibu
mengenang anaknya yang sudah pergi.

Setitik demi setitik bah munurun ke bumi
tanpa amaran atau pemberian erti
hanya berterusan dengan perlahan sekali
segala melihat tiada menghenti
keanehan tumpahan air ini.

Perlahan demi perlahan retak bumi diisi
mengalirkan rongga dengan nikmat tiada terperi
namun tiada kegembiraan yang didengari
segala melihat tiada mengerti
perasaan, nikmat kesyukuran hilang sama sekali

sedkit demi sedikit simpanan kekosongan
tiada lagi yang dapat diberi pada semua disisi
beratnya isi memerkah bumi
mempelawa tanah menelan semuanya
menghabiskan isi, simpanan, dan semua disisi

tiada yang cuba melarikan diri
tiada yang sedarkan kejadian ini
selain isi yang berdiri
yang mula berdoa mencari selamat
tidak kira di sini atau mesyar nanti
kerana impian dan mati sudah seerti
pabila hukuman seberat ini
dunia hilang cahaya harapan
hanya impian yang tersandung kegelapan
terus merangkak di sudut hati

perlahan-lahan akan semuanya tenggelam
dimam bumi
namun soalan yang terpendam bertanya
antara nisan dan impian
siapakah kan menjemput nanti?